



# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**SELASA / 4 JUN 2019**

- 1. LPP SAMBUNG PROGRAM KASIH SANTUNI ASNAF**
  - **HARIAN METRO**
  
- 2. BUAH TIN CABAR KEMAMPUAN AQILAH**
  - **UTUSAN MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**

**( MADA )**

# KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 4 JUN 2019

PERKARA : PERTANIAN



MAZLAN (dua dari kanan) beramah mesra dengan golongan asnaf selepas menyampaikan sumbangan duit raya kepada 60 asnaf pada Program Kasih Peladang Kawasan Kulai, kelmarin.

## LPP sambung program kasih santuni asnaf

**Kulai:** Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan meneruskan Program Kasih Peladang bersama entiti di bawah agensi itu dalam usaha menyantuni golongan asnaf kalangan ahli dan pekerjanya.

Pengerusi LPP, Datuk Mazlan Aliman berkata, program julung kali diperkenalkan bukan saja sempena Ramadan, namun kesinambungannya diteruskan selepas Syawal.

"Kita akan meneruskan program ini walaupun bulan Ramadan akan berakhir kerana kita mahu jejak lebih ramai asnaf yang kurang bernasib baik.

"Usaha ini penting bagi mewujudkan hubungan silaturahim supaya kita dapat mendekati atau mengenali kelompok kurang bernasib baik ini," katanya pada Program Kasih Peladang Kawasan Kulai bagi menyampaikan sumbangan duit raya kepada 60 asnaf membabitkan ahli PPK Kulai di sini, kelmarin.

Program julung kali diadakan itu membolehkan golongan asnaf memperoleh duit raya RM400 seorang.

Hadir sama, Pengerusi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Datuk Ir Phahrolrazi Mohd Zawawi.

Mazlan berkata, beliau turut menemui ahli kurang bernasib baik di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Kota Tinggi Timur dan PPK Pengerang bagi melaksanakan ziarah di beberapa kediaman asnaf.

"Ada yang juga bukan ahli LPP terutama ibu tunggal juga dilawati dalam program ziarah ini, apatah lagi arwah suami mereka pernah menabur bakti berkhidmat di bawah entiti LPP," katanya.

Sementara itu katanya, selaku ejen pembangunan LPP bersama entiti di bawahnya termasuk NAFAS, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN)

dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dapat memaksimumkan semua potensi yang ada.

"Salah satu potensi di negeri Johor dan dikategorikan sumber kekayaan baharu adalah penanaman kelapa jenis Mataq.

"Justeru, kerajaan memperuntukkan PPK Kulai, Pengerang dan Kota Tinggi Timur untuk mengusahakan tanaman ini," katanya.

Beliau berkata, ia secara tidak langsung memastikan industri santan dan kelapa muda dapat diperluas, sekaligus meneroka industri hiliran minyak kelapa dara.

TARIKH : 4 JUN 2019

PERKARA : PERTANIAN

UTUSAN MALAYSIA • SELASA 04 JUN 2019

# Buah tin cabar kemampuan Aqilah

Oleh SAFINA RAMLI  
pengarang@utusan.com.my

■ TASEK GELUGOR 3 JUN

**M**ENYEDARI potensi yang ada dalam penanaman pokok tin membuatkan seorang gadis memberanikan diri untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian.

Nur Aqilah Shabudin, 24, yang merupakan graduan dalam bidang bioteknologi juga nekad mendalami sendiri ilmu mengenai pokok tin menerusi pembacaan dan Internet bagi memastikan dia benar-benar memahami selok-belok penanaman pokok yang dikatakan berasal dari syurga itu.

Nur Aqilah berkata, ladang pokok tin seluas 0.6 hektar itu dimulakan oleh ibunya Rasiidah Abd. Majid, 54, yang amat menggemari buah tin kira-kira tiga tahun lalu dan kemudian dia bertindak sebagai pengurus meneruskan operasi ladang berkenaan pada masa ini.

"Benih pokok tin ini dibeli dari rakan ibu saya yang juga peladang pokok tin di Negeri Sembilan pada 2017.

"Pokok tin di ladang ini kini mencapai 1,000 pokok dan kesemuanya telah mengeluarkan buah setiap enam bulan sekali," katanya ketika ditemui di Fig Tree Garden di Pokok Tampang,



**NUR AQILAH SHABUDIN** memetik buah tin segar di ladang miliknya di Pokok Tampang, Tasek Gelugor, Pulau Pinang. - UTUSAN/ SAZALI CHE DIN

di sini hari ini.

Menurut Nur Aqilah, penjagaan pokok tin tidak terlalu sukar untuk dilakukan kerana pokok berkenaan hanya memerlukan air dan baja yang mencukupi.

"Kita perlu pastikan tanah tidak bertakung selain pemanngkasan pokok juga perlu dibuat secara berkala untuk memastikan pokok dalam keadaan sihat.

"Di ladang ini kami mempunyai dua orang pekerja yang ditugaskan untuk menjaga pokok serta mengutip buah tin segar setiap hari," katanya.

Nur Aqilah berkata, setiap hari sekitar lapan hingga 10 kilogram buah tin segar mampu dikutip di

ladang berkenaan dan dijual kepada pelanggan yang datang ke ladang berkenaan.

"Kami juga mengadakan pakej-pakej istimewa yang mana pelanggan boleh memetik sendiri buah tin di ladang ini.

"Di sini kami juga menjual keratan batang pokok tin, anak pokok, susu kambing serta susu kambing yang mempunyai ekstrak buah tin serta pelbagai produk berasaskan buah tin," katanya.

Bagi mereka yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai ladang pokok tin yang diusahakan Nur Aqilah anda boleh melayari Facebook dan Instagram Fig Tree Garden.